

22/01/2000

Sabah tidak campur isu Umno ke Sarawak

KOTA KINABALU, Jumaat - Umno Sabah tidak mahu campur tangan terhadap isu kemasukan parti itu ke Sarawak, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Osu Sukam.

Sebaliknya, menurut beliau, isu itu sepatutnya diserahkan kepada parti komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak untuk menyelesaikannya.

"Kami sebenarnya tidak ada memikirkan perkara itu, sebaliknya menyerahkan kepada rakan-rakan komponen parti di Sarawak untuk memikirkannya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis memperingati mangsa-mangsa perang di Tugu Peringatan Petagas, dekat sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Karim Ghani, semalam, bahawa pihaknya bersedia menggunakan pengalaman di Sabah membantu mewujudkan 28 bahagian penaja di Sarawak, sekiranya parti itu berhasrat mengembangkan sayapnya ke negeri itu.

Osu yang juga Ketua Menteri, berkata pihaknya tetap dengan pendirian Presiden parti itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini iaitu jika Umno mahu masuk ke Sarawak, ia mestilah untuk tujuan kebaikan dan bukannya menimbulkan masalah.

"Pendirian Dr Mahathir sudah cukup jelas dan kami tetap berpegang dengan pendirian itu," katanya.

Minggu lalu, bekas Menteri Pertahanan dan Timbalan Presiden PBB, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, menyatakan kesediaannya untuk bergiat semula dalam politik termasuk membawa masuk dan menerajui Umno di Sarawak, sekiranya rakyat negeri itu mahu beliau berbuat demikian.

Sehari selepas itu, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Pengerusi BN Sarawak, berkata hasrat Abang Abu Bakar itu bertentangan dengan dasar BN dan parti Umno sendiri kerana mendakwa Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah beberapa kali menyifatkan PBB yang menjadi parti tunjang BN Sarawak adalah sama seperti Umno dalam BN Pusat.

Selasa lalu, bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, menyangkal dakwaan Taib bahawa PBB adalah menyerupai Umno, sebaliknya menyokong saranan agar Umno masuk ke Sarawak.

Semalam, Pergerakan Pemuda Umno Sabah mengeluarkan kenyataan meminta agar isu kemasukan Umno ke Sarawak diberhentikan kerana perkara berkenaan menjadi budi bicara pemimpin BN khususnya Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang diketuai Taib.

Ketuanya, Juhari Janan, berkata pergerakan itu juga bersetuju bahawa Umno tidak perlu masuk ke Sarawak kerana pemimpin negeri itu mampu untuk mengemudi serta mengukuhkan politik dan kerajaan negeri melalui parti-parti komponen BN Sarawak.

(END)